



Ya Allah !! Limpahkanlah taufik dan hidayah, ilmu yang bermanfaat, rezeki yang diberkati, kesihatan yang sempurna, hidup dalam Islam dan mati dalam iman kepada kami dan kepada sesiapa yang terlibat dalam usaha penerbitan RISALAH ini. Amin ! Ya Rabbal Alamin !!

## JASA BESAR RASULALLAH KEPADA DUNIA

Oleh: Ustaz Safwan Fathy (Penerima Anugerah Imam al-Ghazali Negeri Selangor)

**S**ESUNGGUHNYA, amat besar jasa Nabi Muhammad SAW dalam mengubah umat yang dahulunya menyembah berhala kepada umat tauhid yang mengabdikan diri kepada Allah, daripada umat yang berpecah-belah kepada umat yang bersatu padu, daripada umat yang menghina dan membunuh anak perempuan hidup-hidup kepada umat yang mengangkat martabat wanita sebagai saudara kandung bagi kaum lelaki.

Demikian seterusnya Baginda SAW telah berjaya membawa umat yang sebelumnya jauh ketinggalan di belakang sebagai umat yang paling berjaya membina tamadun yang tinggi, malah diiktiraf oleh sejarawan dunia, bahawa umat Arab pada zaman keemasannya adalah guru kepada perkembangan tamadun dunia barat.

Perubahan besar itu berlaku dalam jangka waktu yang singkat tidak lebih daripada 23 tahun dan ini amat menakjubkan para pengkaji sejarah dunia. Nabi Muhammad SAW berjaya membuat perubahan besar itu dengan pimpinan wahyu Al-Quran yang mementingkan pembacaan dan



kelengkapan Al-Quran. Ia juga meliputi segenap aspek kehidupan insan serta dengan sebab keunggulan akhlak Baginda SAW yang sungguh dikagumi oleh pihak kawan dan lawan.

Allah SWT berfirman, maksudnya, "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah bercerai-berai, dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa Jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW), maka menjadilah kamu dengan

### Salam Maulidur Rasul



nikmat Allah itu orang-orang Islam bersaudara. Padahal kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliah), lalu Allah menyelamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya." (Surah Ali Imran: 103).

#### BERSAMA PAK IMAM

SAMBUTAN MAULID NI BAGUS KALAU ANAK MUDA IKUT BERARAK ?

MEMUPUK CINTA KEPADA RASUL, TIDAK SALAH



**PERINGATAN : Setelah dibaca, sila SIMPAN. JANGAN disepah-sepahkan !!**

## TERTINGGAL SOLAT KERANA TIDUR...

**Saoalan :** *Ada sesetengah penceramah mengatakan, orang yang telah meninggalkan sembahyang tidak boleh mengqadanya kecuali sembahyang yang tertinggal kerana tidur atau lupa. Sesetengah penceramah pula mengatakan, sembahyang yang luput atau tidak dilakukan sama ada sengaja atau tidak, mesti diqada.*

**Saya ingin tahu, mana satukah yang betul di antara dua pendapat itu?**

Jawapan :

Kebanyakan ulama telah sepakat mengatakan, bahawa seseorang yang tertinggal solat dengan sebab lupa atau tertidur wajib mengqadanya apabila dia teringat atau terjaga daripada tidurnya. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW riwayat al-Bukhari dan Muslim maksudnya:

*“Sesiapa lupa hendak menunaikan solat, maka hendaklah menunaikannya semasa dia mengingatnya. Dia tidak dikenakan denda apa-apa (yakni tidak berdosa) selain daripada qada solat itu sahaja.”*

Sebuah hadis lain riwayat al-Turmuzi menyatakan maksudnya: *“Apabila seseorang di antara kamu terlupa atau tertidur daripada menunaikan solat, maka hendaklah dilakukannya apabila teringat atau terjaga daripada tidur.”*

Adapun qada bagi solat yang ditinggalkan dengan sengaja atau sebab malas, maka telah berselisih pendapat di antara ulama. Sebahagian kecil daripada mereka seperti Daud Zahiri mengatakan, tidak wajib qada kerana telah hilang syarat-syarat wajibnya. Tetapi *jumhur* ulama (sebahagian besar ulama) tetap

mengatakan, bahawa mana-mana solat yang ditinggalkan sama ada kerana tidur atau lupa mahupun kerana sengaja meninggalkannya oleh sebab malas dan sebagainya, wajib diqada dengan segera. Mereka berpegang kepada beberapa alasan di antaranya:

Sabda Nabi SAW bermaksud: *“Hutang kepada Allah itu lebih berhak diqada atau dijelaskannya.”*

Mereka menerangkan, bahawa setiap hutang kepada manusia itu mesti dibayar walaupun sudah lewat, inikan pula hutang kepada Allah, lebih-lebih lagi mesti dibayar walaupun habis waktunya.

Demikian juga mereka membuat perbandingan, kalau meninggalkan sembahyang kerana terlupa atau tertidur wajib qada dengan segera apabila teringat atau terjaga daripada tidurnya, apatah lagi jika sembahyang yang ditinggalkan dengan sengaja atau malas, maka lebih-lebih lagi wajibnya.

Di samping mengqada itu, orang yang meninggalkan solat dengan sengaja itu wajib juga bertaubat dengan taubat *nasuha*, kerana dia telah melakukan dosa besar. Oleh kerana sembahyang yang tertinggal atau sengaja ditinggalkan itu adalah hutang dan setiap hutang mesti dibayar, maka sekiranya seorang itu meninggal, sedangkan dia masih mempunyai hutang sembahyang, maka bolehlah keluarganya tolong mengqadanya dengan segera. Sembahyang itu sah dilakukan, kecuali sembahyang untuk orang yang masih hidup hukumnya tidak sah.

Imamiyah mewajibkan ke atas anak melakukan qada untuk ayahnya yang meninggal dan hutang solat dan puasa, meskipun masalah ini terbahagi kepada dua di kalangan



ulamanya, apakah yang wajib diqada itu yang ditinggalkan dengan sengaja atau yang ditinggalkan kerana sakit. *Wallahu a'lamu bissawab.*



**KELAS  
BIMBINGAN  
AL-QURAN  
010-775 0874**

**UMRAH  
2015  
HARGA DARI  
RM4990  
012-398 3350**  
**TURAM TRAVEL  
SHAH ALAM**  
Lot 1-23 Bangunan Anggerik Mall  
Sek 14 Shah Alam. **03-55183350**  
Penerbangan terus ke Jeddah.  
Buku Panduan serta kursus Umrah  
**Percuma.**  
Mutawif disediakan dari Malaysia



# Siti Aminah bonda Rasulullah SAW

**S**eorang wanita berhati mulia, pemimpin para ibu. Seorang ibu yang telah menganugerahkan anak tunggal yang mulia pembawa risalah yang lurus dan kekal, rasul yang bijak pembawa hidayah. Dialah Aminah binti Wahb. Ibu dari Muhammad bin Abdullah yang diutus Allah sebagai rahmat seluruh alam. Cukuplah baginya kemuliaan dan kebanggaan yang tidak dapat dimungkiri, bahawa Allah azza wa jalla memilihnya sebagai ibu seorang rasul mulia dan nabi yang terakhir.

Berkatalah Muhammad puteranya tentang nasabnya. *“Allah telah memilih aku dari Kinanah, dan memilih Kinanah dari suku Quraisy bangsa Arab. Aku berasal dari keturunan orang-orang yang baik, dari orang-orang yang baik, dari orang-orang yang baik.”* Dengarlah sabdanya lagi, *“Allah memindahkan aku dari sulbi-sulbi yang baik ke rahim-rahim yang suci secara terpilih dan terdidik. Tiadalah bercabang dua, melainkan aku di bahagian yang terbaik.”*

## GADIS TERMULIA DI KALANGAN SUKU QURAI SY

Aminah bukan cuma ibu seorang rasul atau nabi, tetapi juga wanita pengukur sejarah. Kerana risalah yang dibawa putera tunggalnya sempurna, benar dan kekal sepanjang zaman. Suatu risalah yang bermaslahat bagi ummat manusia. Berkatalah Ibnu Ishaq tentang Aminah binti Wahb ini. *“Pada waktu itu ia merupakan gadis yang termulia nasab dan kedudukannya di kalangan suku Quraisy.”*

Menurut penilaian Dr. Bint Syaati tentang Aminah ibu Muhammad iaitu. *“Masa kecilnya dimulai dari lingkungan paling mulia, dan asal keturunannya pun paling baik. Ia (Aminah) memiliki kebaikan nasab dan ketinggi an asal*

*keturunan yang dibanggakan dalam masyarakat aristokrasi (bangsawan) yang sangat membanggakan kemuliaan nenek moyang dan keturunannya.”*

Aminah binti Wahb merupakan bunga yang indah di kalangan Quraisy serta menjadi puteri dari pemimpin bani Zuhrah. Pergaulannya senantiasa dalam penjagaan dan tertutup dari pandangan mata. Terlindung dari pergaulan bebas sehingga sukar untuk dapat mengetahui jelas penampilannya atau gambaran fizikalnya. Para sejarawan hampir tidak mengetahui kehidupannya kecuali sebagai gadis Quraisy yang paling mulia nasab dan kedudukannya di kalangan Quraisy.

Meski tersembunyi, baunya yang harum semerbak keluar dari rumah bani Zuhrah dan menyebar ke segala penjuru Makkah. Bau harumnya membangkitkan harapan mulia dalam jiwa para pemudanya yang menjauhi wanita-wanita lain yang terpandang dan dibicarakan orang.

## SIBUNGA QURAI SY

Allah memilih Aminah “Si Bunga Quraisy” sebagai isteri Abdullah bin Abdul Muthalib di antara gadis lain yang cantik dan suci. Ramai gadis yang meminang Abdullah sebagai suaminya seperti Ruqaiyah binti Naufal, Fatimah binti Murr, Laila al Adawiyah, dan masih ramai wanita lain yang telah meminang Abdullah.

Ibnu Ishaq menuturkan tentang Abdul Muthalib yang membimbing tangan Abdullah anaknya setelah menebusnya dari penyembelihan. Lalu membawanya kepada Wahb bin Abdu Manaf bin Zuhrah – yang waktu itu sebagai pemimpin bani Zuhrah – untuk dikahwinkan dengan Aminah.

## ABDULLAH MENGAHWINI AMINAH

Abdullah adalah pemuda paling tampan di Makkah. Paling memukau dan paling terkenal di Makkah. Tak hairan, jika ketika ia meminang Aminah, ramai wanita Makkah yang patah hati.”

Cahaya yang semula memancar di dahi Abdullah kini berpindah ke Aminah, padahal cahaya itulah yang membuat wanita-wanita Quraisy rela menawarkan diri sebagai calon isteri Abdullah. Setelah berhasil mengahwini Aminah, Abdullah pernah bertanya kepada Ruqaiyah mengapa tidak menawarkan diri lagi sebagai suaminya. Apa jawab Ruqayah, *“Cahaya yang ada padamu dulu telah meninggalkanmu, dan kini aku tidak memerlukanmu lagi.”*

Fatimah binti Murr yang ditanyai juga berkata, *“Hai Abdullah, aku bukan seorang wanita jahat, tetapi kulihat aku melihat cahaya di wajahmu, kerana itu aku ingin memilikimu. Namun Allah tak mengizinkan kecuali memberikannya kepada orang yang dikehendakiNya.”* Jawaban serupa juga disampaikan oleh Laila al Adawiyah. *“Dulu aku melihat cahaya bersinar di antara kedua matamu kerana itu aku mengharap kanmu. Namun engkau menolak. Kini engkau telah mengahwini Aminah, dan cahaya itu telah lenyap darimu.”*

Memang “cahaya” itu telah berpindah dari Abdullah kepada Aminah. Cahaya ini setelah berpindah-pindah dari sulbi-sulbi dan rahim-rahim lalu menetap pada Aminah yang melahirkan Nabi Muhammad SAW. Bagi Muhammad merupakan hasil dari doa Ibrahim bapanya. Kelahirannya sebagai khabar gembira dari Isa saudaranya, dan merupakan hasil mimpi dari Aminah ibunya. Aminah pernah bermimpi





# MARI KITA PERBANYAKKAN SELAWAT

Sabda Rasulullah SAW: *“Sesiapa yang menghidupkan sunnahku, maka sesungguhnya dia telah mencintai aku. Dan sesiapa yang mencintai aku nescaya dia bersama-sama aku di dalam syurga.”* (Riwayat Al-Sajary daripada Anas )

Yaa Nabi Salaam 'alaika  
*Salutations On You, O Prophet Y*  
 aa Rasul Salaam 'alaika  
*Salutations On You,*  
*O Messenger Of Allah*  
 Yaa Habib Salaam 'alaika  
*Salutations On You, O Beloved*  
 Salawaatu'llah 'alaika  
*Blessings Of... Allah Be Upon You.*

Ashraqa'l Badru 'alaina  
*A Full Moon Rises Over Us*  
 Fakhtafat Minhu'l Buduru  
*The Other Moon Disappears*  
 Mithla Husnika Maa Ra'aina We  
*Never Saw The Like Of Your Beauty*  
 Qattu Yaa Wajhas-Suroori  
*O Face Of Gladness*

Anta Shamsun Anta Badrun  
*You Are The Sun, You Are The Moon*  
 Anta Noorun Fawqa Noori  
*You Are Light Upon Lights*  
 Anta Ikseerun Wa Ghaali  
*You Are Gold And Even More*  
*Priceless*  
 Anta Misbaahu's-Sudoori  
*You Are The Light Of Hearts*

Yaa Habibee Yaa Muhammad  
*O My Beloved, O Muhammad*  
 Yaa 'arusa'l Khaafiqayni  
*O Star Of East And West*  
 Yaa Muayyad Yaa Mumajjad  
*O Star Of East And West*  
 Yaa Imama'l Qiblataini  
*O Leader Of Both Qiblats*

Man-Ra'aa Wajhaaka Yas'ad  
*Whoever Sees Your Face, Gets*  
*Happiness*

Yaa Kareem Al-Waalidaini  
*O The Kind One To Both Parents*  
 Hawdhuka's-Saafi'l Mubarrad  
*Your Clear And Cool Fountain*  
 Wirdunaa Yawm An Nushoori  
*Is Our Goal On The Day Of*  
*Reckoning*

'aalim-Us-Sirri Wa Akhfaa The  
*Knower Of The Secret And Even More*  
*Hidden*

Mustajeeb-Ud-Da'awaati  
*One Who Accepts Supplications*  
 Rabbi Farhamnaa Jamee'a  
*O Lord Forgive Us All*  
 Bijamee-'is-Saalihaati  
*For The Sake Of All The Good Deeds*

*dari m/s 3....*

seakan-akan sebuah cahaya keluar darinya menyinari istana-istana Syam. Dari suara ghaib ia mendengar, *“Engkau sedang mengandung pemimpin ummat.”*

Masyarakat di Makkah selalu membicarakan, kedatangan nabi yang ditunggu-tunggu sudah semakin dekat. Para pendita Yahudi dan Nasrani, serta peramal-peramal Arab, selalu membicarakannya. Dan Allah telah mengabulkan doa Ibrahim as. seperti disebutkan dalam Surah al Baqarah ayat 129.

“Ya Tuhan kami. Utuslah bagi mereka seorang rasul dari kalangan mereka.” Dan terwujudlah khabar gembira dari Isa as. seperti tersebut dalam Surah as Shaff ayat 6. *“Dan memberi khabar gembira dengan (datangnya) seorang*

*rasul yang akan datang sesudahku, namanya Ahmad (Muhammad).* Benar pulalah tentang ramalan mimpi Aminah tentang cahaya yang keluar dari dirinya serta menerangi istana-istana Syam itu.”

#### AMINAH PEMIMPIN PARA IBU

Aminah adalah pemimpin para ibu, kerana ia ibu Nabi Muhammad yang dipilih Allah sebagai rasul pembawa risalah untuk ummat manusia hingga akhir zaman. Muhammadlah penyeru kebenaran dan keadilan serta kebaikan berupa agama Islam.

*“Dan barangsiapa memilih agama selain Islam, maka tiadalah diterima (agama itu) darinya. Dan di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.”* (Ali Imran: 85)

Saat menjelang wafatnya, Aminah berkata: *“Setiap yang hidup pasti mati, dan setiap yang baru pasti usang.*

Setiap orang yang tua akan binasa. Aku pun akan wafat tapi sebutanku akan kekal. Aku telah meninggalkan kebaikan dan melahirkan seorang bayi yang suci.”

Diriwayatkan oleh Aisyah dengan katanya, *“Rasulullah SAW memimpin kami dalam melaksanakan haji wada’.* Kemudian baginda lalu dekat kubur ibunya sambil menangis sedih. Maka aku pun ikut menangis kerana tangisnya.”

Betapa harumnya nama Aminah, dan betapa kekalnya namanya nan abadi. Seorang ibu yang luhur dan agung sebagai ibu Muhammad manusia paling utama di dunia, paling sempurna di antara para nabi, dan sebagai rasul yang mulia. Aminah binti Wahb adalah ibu kandung rasul yang mulia. Semoga Allah memberkahinya.